



SEDIA MENYELAMAT

Ruj. Tuan :
(Your Ref)
Ruj. Kami : JBPM: BKK/013/2/27 (12)
(Our Ref)
Tarikh : 3 Jun 2010
(Date)

YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat W.P. Kuala Lumpur,
YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Selangor,
YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Johor,
YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri P.Pinang,
YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Kedah,
YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Perak,
YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Pahang,
YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Sabah,
YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Sarawak,
YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Sembilan,
YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Melaka,
YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Kelantan,
YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Terengganu,
YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Perlis,
YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat W.P. Labuan,
YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat W.P. Putrajaya.

YS Tuan,

PEMERIKSAAN KE ATAS PREMIS-PREMIS OLEH BAHAGIAN KESELAMATAN KEBAKARAN.

Adalah saya diarah merujuk perkara di atas.

2. Sukacita memaklumkan bahawa sejak akhir-akhir ini terdapat beberapa aduan dan ulasan daripada pelanggan Jabatan berhubung dengan pemeriksaan penghapusan bahaya kebakaran yang dijalankan di peringkat balai.

3. Aduan atau teguran mereka ada kebenaran dan alasan yang munasabah, sehubungan dengan itu prosedur-prosedur pemeriksaan seperti yang digariskan dalam garis panduan dan arahan yang telah dikeluarkan sebelum ini hendaklah dipatuhi sepenuhnya, iaitu:-



CERTIFIED TO ISO 9001 : 2008
CERT. NO : AR 5037

- 3.1 Arahan Keselamatan Kebakaran Bilangan 1 Tahun 2009 – Garis Panduan Mengenai Menghapuskan Bahaya Kebakaran.
 - 3.2 Arahan Keselamatan Kebakaran Bilangan 2 Tahun 2009 - Perlaksanaan Perakuan Bomba.
 - 3.3 Arahan Keselamatan Kebakaran Bilangan 4 Tahun 2009 – Kategori Perniagaan dan Premis Yang Tidak Perlu Sokongan Lesen Perniagaan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.
4. Di samping itu, perhatian yang sewajarnya juga hendaklah diberikan ke atas perkara-perkara berikut:-
- 4.1 Pastikan tujuan pemeriksaan jelas, sama ada pemeriksaan penghapusan bahaya kebakaran, sokongan pelesenan atau untuk pengeluaran Perakuan Bomba.
 - 4.2 Pastikan pemunya atau pemilik premis diberi maklum berhubung dengan tujuan dan tarikh serta waktu pemeriksaan yang akan dijalankan.
 - 4.3 Pastikan pemunya atau pemilik premis diberikan penerangan yang sewajarnya serta menasihati pelanggan dengan cara berhemah dan profesional.
 - 4.4 Menjaga disiplin diri, disiplin kerja dan menjalankan tugas dengan penuh komitmen dan berintegriti.
 - 4.5 Perlu tahu bezakan pemeriksaan ke atas bangunan kompleks (pusat membeli belah dengan lot-lot sewaan di dalamnya) atau bangunan individu (rumah kedai). Jika bangunan kompleks yang telah mempunyai suatu Perakuan Bomba, pemeriksaan hendaklah dibuat dengan memaklumkan kepada pihak pengurusan kompleks berkenaan, bukannya penyewa di lot-lot kompleks itu.
 - 4.6 Kandungan borang temujanji yang hendak dibuat hendaklah disesuaikan dengan tujuan dan premis yang hendak dibuat pemeriksaan. Nyatakan perkara yang berkaitan dan perlu sahaja berhubung dengan tujuan pemeriksaan.



CERTIFIED TO ISO 9001 : 2008
CERT. NO : AR 5037

4.7 Pengetahuan pegawai berhubung dengan skop tugas pemeriksaan penghapusan bahaya kebakaran, pelesenan dan sebagainya hendaklah kompetent.

5. Penglibatan tuan dan Penolong Pengarah Bahagian Keselamatan Kebakaran amat diperlukan bagi memastikan semua prosedur dan peraturan berkaitan dengan apa-apa bentuk pemeriksaan dan penguatkuasaan dipatuhi dan diikuti dengan sewajarnya.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“1 Malaysia” Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan

Saya yang menurut perintah,

(DATO' RUSMANI BIN MUHAMAD)

Penolong Ketua Pengarah
Bahagian Keselamatan Kebakaran
b.p. Ketua Pengarah
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

s.k.

YAS Ketua Pengarah
YAS Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)
YAS Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan)



CERTIFIED TO ISO 9001 : 2008
CERT. NO : AR 5037